


## ULASAN BUKU

**Khadher Ahmad dan Ishak Hj. Suliaman (ed.), *Syeikh Abdul Samad Al-Falimbani: Penulis Hidayah al-Salikin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014, 270 halaman. ISBN 978-983-4607-685.**

Pengulas: *Muhamad Razak Idris*  
mrazak@ukm.edu.my

Jabatan Usuludin dan Falsafah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia



Peradaban umat Melayu seperti peradaban lain di dunia terbentuk menerusi pelbagai pengaruh dan proses unik dan tersendiri dalam sebuah situasi yang kompleks. Pengaruh dan proses pembentukannya bukan sahaja berdasarkan sumber dalaman, tetapi juga berdasarkan sumber luaran. Situasinya pula dibentuk dan digerakkan oleh pelakunya dari pelbagai faktor sama ada individu, budaya, institusi, sejarah dan perhubungan sesama manusia.

Buku *Syeikh Abdul Samad Al-Falimbani: Penulis Hidayah al-Salikin* ini mengimbu dengan jelas keseluruhan proses dan pengaruh yang rencam dalam pembentukan peradaban Melayu. Secara khusus, buku ini menelusuri peranan individu, institusi ilmu dan pengkaryanya dalam pembentukan tasawur, nilai serta amalan beragama dan bertamadun dalam kalangan masyarakat Melayu.

Peranan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dalam pembentukan peradaban masyarakat Melayu dapat dilihat menerusi ketokohan beliau sebagai ulama dan ilmuwan Islam yang memberikan sumbangan dalam penerbitan yang bersifat ilmiah, terutamanya kitab *Hidayah al-Salikin*. Al-Falimbani dilahirkan setelah beberapa tahun pertabalan Tengku Muhammad Jiwa sebagai sultan Kedah, iaitu selepas 1122 Hijrah/1704 Masihi dan telah meninggal dunia pada 1244 Hijrah/1828 Masihi. Ketokohan dan sumbangan al-Falimbani menjadi tumpuan ramai pengkaji sejarah dan peradaban. Beberapa perbezaan riwayat tentang tarikh kelahiran dan kematian dirakam oleh penulis dalam Bab 1. Namun, kisah keperibadian al-Falimbani menarik

ditinjau, terutama hubungan rapat ayahanda al-Falimbani, iaitu Syeikh Abdul Jalil dengan Tengku Muhammad Jiwa sebelum baginda ditabal sebagai Sultan Kedah. Sebagai orang alim dan pendakwah, ayahanda al-Falimbani yang berketurunan Arab dari San'an, Yaman, mempunyai pembantu dalam kalangan muridnya dan salah seorang daripada mereka ialah Tengku Muhammad Jiwa.

Kecintaan ilmu dan jiwa pendakwah yang dimiliki Syeikh Abdul Jalil diwarisi oleh anaknya al-Falimbani. Setelah memperoleh pendidikan awal daripada ayahandanya yang juga merupakan seorang mufti kerajaan Kedah pada waktu itu, al-Falimbani merantau ke Pattani dan berguru dengan ramai ulama Melayu Nusantara seperti Syeikh Abdul Rahman bin Abdul Mubin Pauh Bok. Pendidikan awal ini mempengaruhi tasawur dan pendekatan penulisan ilmiah al-Falimbani sebagaimana ditonjolkan dalam kebanyakan karya beliau. Semasa menuntut di Pattani, beliau didedahkan dengan matan fiqh menurut mazhab Shafii dan ilmu aqidah menurut fahaman Ahli Sunah Waljamaah yang bersumberkan Imam Abu Hassan al-Asya'ari dan Abu Mansur al-Maturidi. Setelah itu, ayahandanya menghantar al-Falimbani menuntut ilmu di Makkah dan Madinah.

Musafir ilmu al-Falimbani ke Timur Tengah menjadi titik tolak penting dalam perkembangan penulisan ilmiah beliau. Pengalaman bermusafir menuntut ilmu telah meningkatkan keyakinan al-Falimbani untuk terlibat dalam dunia keserjanaan, mengukuhkan kedudukan beliau sebagai tokoh ulama dan ilmuwan, serta membentuk minat dan identiti keilmuannya dalam tasawuf Islam. Perkenalan dengan ramai guru dalam bidang usuluddin, fiqh, hadis dan tasawuf telah meningkatkan keyakinan al-Falimbani untuk terlibat dalam dunia penulisan ilmiah semasa menuntut di Timur Tengah, iaitu 30 tahun di Makkah dan lima tahun di Madinah. Namun, dalam tempoh itu, pendedahan yang diperoleh al-Falimbani tentang wacana ilmu tasawuf, terutamanya menerusi perspektif pemikiran al-Ghazali yang berpandukan karya tasawuf yang terkenal pada sekitar abad ke-18, amat berpengaruh dalam membentuk citra dan identiti penulisan ilmiahnya. Minatnya terhadap bidang ini terbukti semasa berada di Madinah. Beliau telah berguru dengan Syeikh Muhammad bin Abdul Karim al-Samman al-Mahdi (1190 Hijrah/1776 Masihi) dan diijazahkan *Tarekat al-Sammaniyyah* dan *Khalwatiyyah* oleh gurunya itu.

Sepanjang hidupnya, al-Falimbani telah menghasilkan sejumlah karya penting dalam pelbagai bidang yang menjadi rujukan utama masyarakat Melayu, umumnya dan Nusantara, khususnya. Antara karya utama beliau termasuklah *Zahrah al-Murid fi Bayan Kalimah al-Tauhid*, *Nasihah al-Muslimin wa Tazkirah al-Mu'minin di Fada'il Jihad fi Sabilillah wa Karamah al-Mujtahidin fi Sabilillah*, *Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin*, *Siyar al-Salikin ila 'Ibadah Rabb al-'Alamin*, *Al-'Urwah al-Wuthqa wa Salasilah Waliy al-'Aqta* dan *Ratib Syeikh Abdul Samad al-*

*Falimbani*. Menurut Wan Mohd. Shaghir Abdullah, peneliti sejarah ulama Nusantara sejumlah lapan karya tambahan al-Falimbani telah dikenal pasti, selain yang tersenarai menjadikan keseluruhan penerbitan ilmiah beliau sebanyak 15 naskhah. Karya beliau masih digunakan sebagai antara teks pembelajaran utama di pondok, surau dan masjid hingga ke hari ini.

Begitulah sumbangan dan pengaruh tokoh ilmuwan dan ulama yang berperanan dalam pembangunan tasawuf agama serta pembentukan jati diri dan peradaban masyarakat Melayu semenjak abad ke-18 hingga hari ini. Pemikirannya yang dijana menerusi penulisan ilmiah yang bertunjangkan prinsip kerohanian dan pengetahuan Islam, tersebar meluas dan menjadi sandaran masyarakat tentang kepercayaan, amalan dan tanggapan terhadap persekitaran.

Buku ini turut memberikan tumpuan khusus terhadap ketokohan dan sumbangan al-Falimbani dalam bidang ilmu tasawuf dan tarekat di alam Melayu dan Nusantara. Al-Falimbani dianggap sebagai salah seorang penyebar dan pengembang ilmu Dua buah kitab beliau yang berpengaruh dan berperanan penting dalam membina peradaban Melayu ialah kitab *Hidayah al-Salikin* dan *Siyar al-Salikin*. Menurut penulis, kedua-dua kitab tersebut merupakan karya saduran daripada karya al-Ghazali, iaitu *Hidayah al-Salikin* yang disadur daripada kitab *Bidayah al-Hidayah*, manakala kitab *Siyar al-Salikin* disadur daripada kitab *Lubab Ihya'* oleh al-Ghazali.

Kitab *Hidayah al-Salikin* telah diberikan tambahan, ulasan dan huraian oleh al-Falimbani berdasarkan ilmunya dan bersandarkan kitab *Bidayah al-Hidayah*. Menerusi karya tersebut, al-Falimbani mengambil kesempatan “mendamaikan” tasawuf yang dibawa oleh dua tokoh bidang tasawuf dalam sejarah peradaban Islam, iaitu antara Imam al-Ghazali dengan Ibn ‘Arabi. Usaha pendamaian ini merupakan satu sumbangan besar al-Falimbani dalam bidang tasawuf dan tarekat di alam Melayu yang secara langsung menunjukkan keyakinan masyarakat Melayu terhadap keupayaan dan keluasan ilmu yang dimiliki oleh al-Falimbani sebagai seorang ilmuwan dalam bidang tasawuf. Banyak persoalan yang menjadi perdebatan kedua-dua tokoh besar tasawuf diberikan ulasan menurut perspektif al-Falimbani, misalnya persoalan “al-Insan al-Kamil” dan konsep “wujud”.

Bab 4 hingga 6 merupakan bab terpenting buku ini kerana kitab *Hidayah al-Salikin* dibincangkan secara terperinci. Kitab ini mengandungi tujuh bab tidak termasuk *Khutbah Mu'allif* (Mukadimah Pengarang), *Muqaddimah Kitab* dan *Khatimah*. Bab Pertama, Pada Menyatakan ‘Aqidah Ahli Sunnah; Bab Dua, Pada Menyatakan Berbuat Ta’at dan ‘Ibadat yang Zahir; Bab Tiga, Pada Menyatakan Menjauh daripada Maksiat yang Zahir; Bab Empat, Pada Menjauh Segala Maksiat Batin; Bab Lima, Pada Menyatakan Segala Taat Batin; Bab Enam, Pada Menyatakan Fadhilat Zikir, Adab dan Kaifatnya, dan Bab Tujuh, Pada Menyatakan

Adab Bersahabat dan Mu'asyarah serta Khaliq dan Makhhluk. Bab-bab ini penting diketengahkan untuk menunjukkan kecenderungan penulisan ilmiah al-Falimbani dan cara beliau menterjemahkannya dalam bentuk karya.

Sesungguhnya, pengaruh kitab *Hidayah al-Salikin* ini amat besar terhadap pembangunan citra dan peradaban masyarakat Melayu. Hal ini terbukti menerusi penemuan beberapa maklumat tentang cetakan dan penyebaran kitab tersebut yang terus berkembang, meskipun usianya telah mencecah kira-kira 200 tahun. Amalan yang diketengahkan dalam kitab tersebut terus berakar umbi dalam kebudayaan masyarakat Melayu hingga hari ini, seperti amalan berzikir selepas solat lima waktu. Kitab *Hidayah al-Salikin* ini telah menjadi buku teks pengajian di surau dan masjid, serta pernah menjadi rujukan utama untuk melatih guru-guru agama di negeri Selangor pada sekitar tahun 1970-an.

Dua aspek utama yang diberikan penekanan oleh al-Falimbani dalam kitab *Hidayah al-Salikin* ialah aspek tasawuf serta himpunan dan kedudukan hadis yang digunakan untuk membangunkan pemikiran masyarakat Melayu. Aspek utama tasawuf yang diketengahkan dalam kitab *Hidayah al-Salikin* meliputi adab dan kelebihan ilmu, ketaatan dalam beribadah, maksiat lahiriah yang perlu ditegah oleh seorang Mukmin, serta tuntutan memelihara diri daripada terjebak dengan maksiat yang berbentuk rohaniah. Di samping itu, buku ini turut memberikan penekanan tentang adab dalam berzikir, serta hubungan dengan Allah dan juga sesama manusia. Kitab *Hidayah al-Salikin* ini menonjolkan “satu model tasawuf yang menggabungkan tiga elemen, iaitu akidah sebagai dasar dan asas utama, fiqah sebagai kaedah pengamalan, dan tasawuf sebagai jalan mencapai kesempurnaan”.

Kitab *Hidayah al-Salikin* ini juga meneliti kedudukan hadis dan merakamkan keseluruhan hadis yang digunakan oleh al-Falimbani sebagai hujah dan sandaran dalam penulisan ilmiah. Hadis ini dinilai dari segi kedudukan dan kewibawaannya menggunakan kaedah ilmu *takhrij* hadis. Kajian mendapati kedudukan hadis yang digunakan al-Falimbani penting, terutama kepada dunia kesarjanaan Islam masa kini. Kaedah pengeluaran dan penilaian semula hadis oleh penulis menimbulkan suatu perspektif baharu tentang dinamika pertumbuhan dan interaksi ilmu agama yang wujud dan berkembang dalam era kehidupan al-Falimbani, batas pencapaian ilmu pengetahuan dalam era tersebut, dan kecenderungan masyarakat terhadap ilmu yang berkaitan dengan agama Islam, terutama di Nusantara.

Bagi mengharungi hambatan dan cabaran pada zaman kejatuhan Islam, kitab *Hidayah al-Salikin* merupakan satu sumbangan penting seorang tokoh ulama dalam bentuk karya ilmiah untuk membangunkan semula tamadun Islam yang berada dalam keadaan lemah. Oleh sebab itu, kelemahan yang terdapat dalam kitab ini adalah disebabkan oleh pelbagai hambatan yang perlu ditempuhi al-Falimbani. Generasi

ilmuwan dalam era ketamadunan Islam kini semakin kukuh untuk menampung sebarang bentuk kelemahan yang wujud dalam kitab *Hidayah al-Salikin*. Penyaduran semula karya *Hidayah al-Salikin* oleh sarjana masa kini dengan pengukuhan, penambahan, pengurangan dan pentafsiran semula kitab tersebut wajar diusahakan sebagaimana al-Falimbani mengamalkan kaedah penulisan ilmiah apabila menyadur kitab *Bidayah al-Hidayah*.

Riwayat, ketokohan dan sumbangan al-Falimbani yang ditemui penulis dalam kajiannya wajar dipuji dan dihebahkan kepada generasi baharu. Semangat keagamaan dan nilai keislaman yang wujud dalam peradaban Melayu merupakan sumbangan bernilai ilmuwan dan ulama sejak zaman berzaman. Jaringan hubungan ulama Nusantara dan Timur Tengah sebagaimana hubungan intelektual yang intim antara al-Falimbani dengan Imam al-Ghazali perlu dijadikan pengalaman bermakna yang terus diperkukuh kerana telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pembinaan dan pembudayaan ilmu dalam tamadun Melayu. Peranan al-Falimbani amat bermakna dalam membentuk jati diri dan keutuhan peradaban ummah di Nusantara hingga hari ini.

Bagi mengharungi zaman globalisasi pada hari ini, sumbangan al-Falimbani perlu dikenang semula dan dihargai supaya dapat membuka minda masyarakat terhadap pelbagai bentuk terjahan fikiran dan budaya yang datang dari luar yang bukan sahaja terlalu asing, malahan sebahagian besarnya mengandungi unsur penolakan agama. Semangat perjuangan al-Falimbani telah mengukuhkan jati diri dan peradaban masyarakat Melayu menerusi tradisi keilmuan.